



SIRI AL-BAYANUL MUBIN
SYARAH RIYADUS SOLIHIN



Pesan-Pesan TAUBAT

شرح حديث رياض الصالحين

7.22
HA

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD

.....

**© PESAN-PESAN TAUBAT
SYARAH HADIS RIYADUS
SOLIHIN**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, Jun 2022

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka
Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-27391-1-1

*Muka Taip Teks: Century Gothic
Saiz Muka Taip: 11*

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
No. 9108, Jalan Kerdas 1,
53100 Gombak, Kuala Lumpur
011-20907008
pustakapermataummah@gmail.com

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.
26-28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor
03-8940 5595



SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Ustaz Muhammad Khalil Abdul Hadi
Tuan Mohd Syahir Che Sulaiman
Tuan Mohd Adram Musa

PENGARAH URUSAN

Abdul Malik Ab Razak

PENGURUS

Muhammad Afiq Awang Bakar

KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN EDITOR

Maziah Hasan
Muhaimin Safaruddin

JABATAN ARKIB & PENYELIDIKAN

Tasneem Zainol

JABATAN PEMASARAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

**JABATAN JUALAN & HUBUNGAN
PELANGGAN**

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salahin

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM

Nur Hafizah Ibrahim

JABATAN PENTADBIRAN

Siti Nurul Afiqah Sazali

ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT VI

MUQADDIMAH I

BAHAGIAN 1: MEMAHAMI HAKIKAT TAUBAT 6

Konsep Taubat 7

BAHAGIAN 2: PESAN-PESAN TAUBAT 15

Keutamaan Beristighfar 16

Kegembiraan Allah Terhadap Hamba Yang Bertaubat 21

Pintu Taubat Sentiasa Terbuka 25

Bertaubat Sebelum Nyawa Sampai di Halkum 33

Luasnya Pintu Taubat 35

Taubat Dengan Berhijrah 45

Taubat Ka'ab bin Malik 57

Taubat Seorang Penzina	109
Pengampunan Allah Lebih Luas daripada Lembah Emas	122
Taubat Seorang Pembunuh	124

BIODATA PENULIS  **128** 

KATA PENERBIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan puja hanya selayaknya bagi Allah 'Azza wa Jalla, Tuhan Pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang mulia, juga ke atas ahli keluarga Baginda, para sahabat, serta sesiapa sahaja yang mengikuti jejak langkah Baginda hingga hari perhitungan.

Alhamdulillah, sekali lagi kami daripada Pustaka Permata Ummah (PPU) berhasil menerbitkan siri seterusnya bagi karya Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang. Naskhah ini merupakan huraian oleh penulis dalam sesi Kuliah Duha Jumaat di Masjid Rusila, Marang berpandukan kitab *Riyadus Solihin* susunan al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi RH.

Rakaman kuliah Tuan Guru itu kemudian disalin sebagai bahan arkib dan transkripsi. Seterusnya, bahan tersebut melalui proses suntingan secara berperingkat, termasuklah semakan syariah dan semakan bahasa.

Akhir sekali, semakan akhir disempurnakan oleh Tuan Guru sendiri dengan penambahan kandungan huraian dan isi penting bagi meningkatkan nilai ilmu dalam memahami hadis-hadis yang telah diterangkan. Insyaa-Allah, semua pembaca akan menikmati pencerahan daripada hadis dengan mudah dan tuntas.

Jika sebelum ini, kami selaku penerbit telah menerbitkan karya *Pesan-Pesan Sabar* dan *Pesan-Pesan Ikhlas*, maka naskhah kali ini pula merupakan huraian berkisar hadis-hadis





berkenaan taubat. Huraian yang dijelaskan adalah secara santai dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh seluruh lapisan masyarakat sebagai panduan dalam memahami kalam dan bicara Rasulullah SAW.

Di samping itu, kami juga berusaha menambah baik persembahan buku dengan mengeluarkan pengajaran atau kefahaman asas (*fiqh al-hadith*) daripada setiap hadis yang telah dihuraikan. Kami merujuk kepada beberapa karya ulama' seperti **Nuzhah al-Muttaqin** dan **Bahjah al-Nazirin**.

Lebih menarik lagi, huraian bagi setiap hadis turut diselitkan dengan kisah-kisah tertentu dan pedoman dalam berakhlak mulia. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

"Sesungguhnya, aku diutuskan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak."

Riwayat Ahmad 8952 dan lain-lain

Justeru, melalui siri tulisan **al-Bayanul Mubin Syarah Riyadus Solihin** kali ini, kami menghidangkan huraian hadis daripada bab taubat. Taubat merupakan salah satu daripada sifat-sifat mulia bagi menyucikan jiwa serta menzahirkan pengakuan diri kita sebagai hamba yang sangat lemah dan amat mengharapkan belas rahmat-Nya.

Mudah-mudahan, karya kali ini memberikan kefahaman yang jelas dalam membina keperibadian sebagai seorang Muslim yang sebenar. Seterusnya, mendekatkan lagi para pembaca dengan kalam nabawi dan menjadikan kita lebih cinta kepada Rasulullah SAW sebagai qudwah.

Selamat membaca!


Pustaka Permata Ummah



Allah SWT menerima taubat para hamba-Nya walau berapa banyak dosa sekalipun yang telah dilakukan. Namun, taubat itu diterima dengan syarat-syarat yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu menyesal atas perbuatan dosa, meninggalkan dosa, dan berazam untuk tidak mahu melakukan dosa itu lagi.



TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي أرسل رسوله بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله وكفى بالله شهيدا. والصلاة والسلام على حبيبنا وشفيعنا وقدوتنا محمد الرحمة المهدي والنعمة المسدي، وعلى آله وصحبه ومن تبعه ونصره ومن والاه. أما بعد:

Sewaktu meneruskan Kuliah Duha pada setiap hari Jumaat di Masjid Rusila, Marang, saya telah memilih untuk mengajar kitab *Riyadus Solihin* karangan Imam al-Nawawi RH.

Kebetulan kitab ini merupakan salah satu kitab warisan ayah saya yang sudah lama dicetak. Kemudian, saya dihadihkan senaskhah kitab lagi oleh Syeikh 'Umar Taha RH, kawan ayah saya dan seorang ulama' di Makkah yang pernah menjadi kadi di Kemaman, Terengganu sekitar tahun -1940 an. Ketika itu, beliau membawa kitab *Riyadus Solihin* untuk dihadihkan kepada saya.

Selain itu, saya sekali lagi dihadihkan kitab dengan judul yang sama oleh Syeikh Muhammad 'Ali al-Sabuni RH, seorang ulama' Syria yang terkenal. Kitab itu dihadihkan kepada saya ketika beliau datang berkunjung ke Pejabat Agung PAS, bersama beberapa kitab hadis lain yang terkandung dalamnya syarah dan *ta'liq* (komentar) beliau yang sangat saya hargai. Beliau sendiri menulis dan mencatat pada halaman kitab yang dihadihkan, ia menjadi satu hadiah yang sangat bermakna.





Saya memilih kitab ini untuk dijadikan bahan kuliah hadis bersempena ketokohan pengarang kitab, iaitu Imam al-Nawawi RH yang merupakan seorang ulama mu'tabar yang diterima oleh semua ulama'.

Penerimaan terhadap kitab beliau tidak mengira sama ada ulama' salaf mahupun khalaf yang merangkumi semua mazhab; baik mazhab aqidah, mazhab fiqh, hatta mazhab tasawuf.

Imam al-Nawawi RH meninggal dunia pada usia yang sangat muda, sekitar umur -40an. Beliau telah menulis kitab yang sangat banyak dan penuh keberkatan. Beliau bukan sahaja seorang ahli dalam ilmu-ilmu yang ditulis, malah pada masa yang sama, beliau beramal dan berjuang dengan ilmu yang ada pada dirinya. Sikap beliau berani menyuruh kepada perkara ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

Kitab *Riyadus Solihin* ialah sebuah kitab yang sangat berkat dan ilmu yang terkandung dalamnya juga sangat berkat, ditulis oleh seorang ulama' yang meninggalkan keberkatan kepada umat Islam. Seinggakan, para ulama' Asya'irah, Maturidiyyah, Wahhabi, dan Salafi mengiktiraf keilmuan Imam al-Nawawi RH.

Ini suatu perkara yang sangat menarik kerana karya beliau dibaca oleh semua aliran ulama'. Ulama' yang berselisihan pendapat membaca kitab Imam al-Nawawi RH, sama ada kitab fiqh mahupun kitab hadis yang dikarang khusus oleh beliau iaitu *Riyadus Solihin*.

Kitab *Riyadus Solihin* mengumpulkan hadis-hadis yang berkaitan dengan akhlak atau moral dan segala aspek yang lain. *Riyadus Solihin* bererti 'Kebun-kebun bagi Orang-orang yang Soleh.'



Sekiranya hendak dicatatkan semua perkara pasti kesuntukan masa, maka rakan penerbit iaitu Pustaka Permata Ummah menaqqalkan apa yang telah disebutkan dalam kuliah yang dirakam dalam kaset atau video. Kemudian, bahan tersebut ditulis semula dan disemak oleh saya dengan pembedulan ayat-ayat, daripada ayat percakapan menjadi tulisan untuk dimanfaatkan oleh seluruh lapisan umat Islam.

Hadis berfungsi mentafsirkan al-Quran al-Karim dan mentafsirkan hadis-hadis yang lain, dengan keseluruhan hadis dalam kitab *Riyadus Solihin* merupakan hadis yang sahih atau hasan, yakni hadis yang boleh dijadikan hujah. Jika terdapat hadis-hadis daif yang mendukungnya, ia termasuk dalam kategori *targhib* dan *tarhib*, menggalakkan untuk beramal. Ia dibenarkan oleh para ulama'.

Tiada hadis yang palsu dimuatkan. Jika hadis yang lemah, hanya lemah dari segi perawinya sahaja, bukan hadis tersebut. Walaupun terdapat hadis daif, ia disokong dengan hadis lain, maka hadis itu menjadi kuat dan sampingan.

Besar harapan saya agar hasil yang diterbitkan ini akan memberikan manfaat kepada para pembaca, termasuk mereka yang menyampaikan kuliah dan mendengar supaya menjadi ilmu yang memberikan manfaat.

Moga ilmu yang terkandung dalam karya kali ini dimanfaatkan oleh semua pihak untuk menjadi bekalan sebagai makanan roh dan akal. Agar kemudiannya, ia mengarahkan jasad untuk mengerjakan amal soleh yang menjadi bekalan di dunia hingga akhirat yang kekal abadi.

Mudah-mudahan, usaha ini diterima oleh Allah SWT dan mendapat ganjaran pahala buat diri saya, ibu bapa saya yang telah meninggal dunia, dan rakan-rakan yang berkhidmat untuk menyempurnakan usaha yang murni ini. Saya berharap agar semua dikurniakan keikhlasan oleh Allah SWT.

Al-Faqir ila Allah,

ABDUL HADI AWANG

Masjid Rusila,

Marang, Terengganu Darul Iman.



Allah SWT membuka pintu taubat sehingga matahari terbit dari arah barat. Apabila matahari naik dari arah barat, maka ketika itulah pintu taubat ditutup. Oleh kerana itu, kita hendaklah mengambil peluang sepenuh-penuhnya untuk sentiasa beristighfar dan bertaubat.



TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG





MEMAHAMI HAKIKAT TAUBAT

KONSEP TAUBAT

Taubat merupakan suatu perbuatan manusia meminta keampunan daripada Allah SWT atas dosa-dosa yang telah dilakukan oleh mereka. Kata para ulama':

التَّوْبَةُ وَاجِبَةٌ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ.

"Taubat itu wajib daripada tiap-tiap dosa yang telah dilakukan."

Dosa itu merangkumi sama ada dosa kecil ataupun dosa besar, iaitu dosa yang berkait dengan Allah SWT dan manusia. Maka, sekiranya maksiat itu berlaku antara hamba dengan Allah SWT sahaja serta tidak bergantung dengan hak manusia, maka baginya taubat itu mempunyai tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah hamba tersebut hendaklah meninggalkan maksiat. Taubat yang sebenar-benar adalah dengan meninggalkan perbuatan maksiat. Akan tetapi, sekiranya taubat dilakukan seiring dengan perbuatan maksiat, maka taubat tersebut adalah tidak sah.

Contoh yang paling jelas ialah orang yang memakan riba. Mereka yang memakan hasil riba dan bertaubat sahaja tanpa melepaskan diri mereka daripada belunggu riba tersebut, maka taubatnya adalah tidak sah.

Apa yang sepatutnya dilakukan oleh mereka yang mengambil riba ini ialah menggunakan hasil riba tersebut untuk tujuan kebajikan orang ramai dan bukannya dilupuskan begitu sahaja disebabkan tidak dapat memulangkannya kembali. Selepas itu, barulah mereka boleh bertaubat dan meninggalkan perkara-perkara dosa yang telah dilakukan.



Walau bagaimanapun, sekiranya perbuatan maksiat kembali dilakukan, maka tinggalkanlah dan teruslah bertaubat kerana pintu taubat itu luas. Selagi nyawa masih belum sampai di halkum, maka pintu taubat masih terbuka. Di sisi Allah SWT, pintu taubat hanya akan ditutup setelah nyawa sampai di halkum.

Terdapat segelintir golongan yang kurang berilmu takut kepada mereka yang telah mati. Hal ini demikian kerana, mereka mempunyai sikap yang *ghuluw* iaitu melampau. Setelah seseorang manusia telah mati, maka bidang kuasa untuk menghukumnya hanya terletak pada Allah SWT sahaja.

Islam tidak melindungi golongan yang sesat seperti komunis dan sebagainya kerana fahaman tersebut salah dan boleh membawa kepada kekhufuran. Akan tetapi, Islam tidak mengajar supaya memerangi seseorang yang telah mati.

Hal ini demikian kerana, manusia tidak lagi berhak untuk menghakimi mereka yang telah mati. Golongan yang berilmu seperti ulama' seharusnya menegur salah faham yang sedang melanda masyarakat.

Contohnya, urusan Chin Peng yang telah mati dan jasadnya yang menjadi abu dan sudah tidak boleh bertaubat lagi telah diganggu. Terdapat pihak yang bertindak menghalang beberapa urusan yang melibatkan beliau dan mengambil beberapa langkah yang keras. Sepatutnya, perkara tersebut dibiarkan sahaja.

Syarat taubat yang kedua pula ialah menyesal atas perbuatan dosa yang dilakukan. Seterusnya, **syarat taubat yang ketiga** ialah berazam dengan bersungguh-sungguh untuk tidak kembali melakukan dosa untuk selama-lamanya.

Akan tetapi, sekiranya manusia kembali melakukan dosa, maka taubat perlu dilakukan kembali dengan ketiga-tiga syarat yang telah dinyatakan sebelum ini. Terdapat satu



kisah yang diriwayatkan oleh Nabi Muhammad SAW yang dinyatakan dalam hadis Qudsi:

أَذْنَبَ عَبْدٌ ذَنْبًا، فَقَالَ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي، فَقَالَ تَبَارَكَ
وَتَعَالَى: أَذْنَبَ عَبْدِي ذَنْبًا، فَعَلِمَ أَنَّ لَهُ رَبًّا يَغْفِرُ الذَّنْبَ، وَيَأْخُذُ
بِالذَّنْبِ، ثُمَّ عَادَ فَأَذْنَبَ، فَقَالَ: أَيُّ رَبِّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي، فَقَالَ
تَبَارَكَ وَتَعَالَى: عَبْدِي أَذْنَبَ ذَنْبًا، فَعَلِمَ أَنَّ لَهُ رَبًّا يَغْفِرُ الذَّنْبَ،
وَيَأْخُذُ بِالذَّنْبِ، ثُمَّ عَادَ فَأَذْنَبَ فَقَالَ: أَيُّ رَبِّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي،
فَقَالَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى: أَذْنَبَ عَبْدِي ذَنْبًا، فَعَلِمَ أَنَّ لَهُ رَبًّا يَغْفِرُ
الذَّنْبَ، وَيَأْخُذُ بِالذَّنْبِ، اِعْمَلْ مَا شِئْتَ فَقَدْ غَفَرْتُ لَكَ.

"Seorang hamba yang mengerjakan dosa lalu berdo'a, 'Ya Allah! Ampunilah dosaku.' Allah SWT berfirman: 'Hamba-Ku mengetahui bahawa dia mempunyai Tuhan yang akan mengampunkan dosanya, maka Aku ampunkan dosanya.' Kemudian, dia kembali melakukan dosa lalu berdo'a, 'Wahai Tuhanku! Ampunilah dosaku.' Allah SWT berfirman: 'Hamba-Ku mengetahui bahawa dia mempunyai Tuhan yang akan mengampunkan dosanya, maka Aku ampunkan dosanya.' Kemudian, dia kembali melakukan dosa lalu berdo'a, 'Wahai Tuhanku! Ampunilah dosaku.' Allah SWT berfirman: 'Hamba-Ku mengetahui bahawa dia mempunyai Tuhan yang akan mengampunkan dosanya, maka Aku ampunkan dosanya.' Berbuatlah sesuka hatimu kerana Aku benar-benar telah mengampunimu."

Riwayat Muslim 2758

Ketika sedang bertaubat, jangan pula diniatkan untuk kembali melakukan dosa. Taubat mesti dilakukan dengan penuh keikhlasan untuk meninggalkan dosa.

Akan tetapi, jika dengan tiba-tiba, kita kembali melakukan dosa, Allah SWT tetap akan mengampunkan dosa tersebut selagi nyawa belum sampai di halkum dan selagi matahari belum terbit dari arah barat. Walau bagaimanapun, sekiranya matahari telah mula terbit dari arah barat, maka ketika itu pintu taubat telah ditutup.

Umat Islam sepatutnya menyedari bahawa orbit dan paksi dunia lama-kelamaan akan tersasar. Bahkan, terdapat para saintis yang mengatakan bahawa akan berlakunya perubahan tempat antara kutub utara dan kutub selatan.

Malah, dikatakan bahawa salji yang sentiasa melanda kutub utara dan kutub selatan akan beralih ke benua Eropah pula. Selain itu, juga diberitakan dalam akhbar, suhu di Rusia menjangkau bacaan -60 darjah Celsius. Manusia yang tidak dapat bertahan dengan cuaca yang sejuk akan berpindah ke kawasan lain. Perkara ini diramal akan berlaku pada masa hadapan.

Situasi tersebut bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad SAW berkenaan pada suatu ketika nanti, matahari akan terbit dari arah barat dan tidak lagi terbit dari arah timur. Pada ketika itu, pintu taubat telah tertutup dan ia baru disedari oleh manusia. Selain itu, manusia juga akan mula menyedari kesilapan mereka ketika nyawa sudah berada di halkum.

Waktu ditimpa kesakitan, pintu taubat masih dibuka. Pada ketika itu, banyakkannlah beristighfar. Situasi ini sama juga ketika telah berada pada usia yang tua dan mungkin tidak mempunyai masa yang lebih panjang.



Selagi nyawa masih belum tiba di halkum, maka bertaubatlah sebanyak yang mungkin. Jangan dilengahkan perbuatan taubat kerana Allah SWT membuka pintu taubat seluas-luasnya.

Terdapat tiga syarat taubat dalam soal dosa yang berhubungan dengan Allah SWT:

فَإِنْ فُقِدَ أَحَدُ الثَّلَاثَةِ لَمْ تَصِحَّ تَوْبَتُهُ.

"Jika tidak terdapat satu daripada tiga syarat tersebut, maka taubat yang dilakukan adalah tidak sah."




1. Meninggalkan maksiat. (أَنْ يُقْلِعَ عَنِ الْمَعْصِيَةِ)

2. Menyesal. (أَنْ يَتَذَمَّ عَلَىٰ فِعْلِهَا)

3. Berazam untuk meninggalkan dosa yang dilakukan. (أَنْ يَعْزِمَ أَنْ لَا يَعُودَ إِلَيْهَا أَبَدًا)

Sekiranya perkara maksiat yang dibuat mempunyai kaitan dengan orang lain, maka terdapat empat syarat taubat. Tiga syarat yang terdahulu wajib diselesaikan. **Syarat tambahan yang keempat** ialah sekiranya seseorang itu ada mengambil hak orang yang lain, maka dia wajib melepaskan diri daripada hak tersebut. Contoh hak tersebut ialah harta, maruah, dan lain-lain.

Sekiranya hak tersebut ialah harta, maka harta tersebut perlu dipulangkan kembali kepada pemiliknya. Sekiranya hak tersebut berkaitan dengan qazaf seperti tuduhan berzina, maka kesalahan menuduh tersebut perlu diakui dan sanggup dihukum dengan hukuman qazaf iaitu disebut sebanyak 80 kali ataupun meminta maaf dengan orang yang difitnah.



Sekiranya mangsa tersebut memaafkan, maka terlepaslah daripada hukuman mahkamah. Akan tetapi, sekiranya mangsa membawa kes tersebut ke mahkamah, maka perlu dijatuhkan hukuman ke atas pelakunya.

Sekiranya hak tersebut berkaitan dengan perbuatan mengumpat, maka pelakunya mesti meminta dihalalkan daripada orang yang diumpat. Akan tetapi, sekiranya orang yang diumpat itu telah meninggal dunia dan tidak terkira jumlah umpatan yang dibuat, maka beristighfarlah dan niatkanlah untuk diri sendiri dan juga orang yang diumpat serta mendoakannya. Demikian merupakan cara untuk melepaskan diri daripada dosa yang dilakukan terhadap orang yang telah meninggal dunia.

Wajib bertaubat bagi semua dosa yang telah dilakukan. Sekiranya seseorang itu hanya bertaubat untuk sebahagian dosa sahaja, maka taubat tersebut dikira sah menurut sesetengah ulama'. Akan tetapi, baki dosa yang masih ada akan tetap dibawanya sehingga mati.

Sesungguhnya, telah jelas menurut dalil-dalil daripada al-Quran, hadis-hadis Nabi Muhammad SAW, dan ijma' ulama', bahawa hukum bertaubat adalah wajib. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ...



"Dan bertaubatlah kalian semuanya kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kalian berjaya."

Surah al-Nur: 31



Berdasarkan ayat al-Quran di atas, Allah SWT menyuruh hamba-Nya supaya bertaubat. Keadaan ini menunjukkan betapa rahmat dan sayangNya Allah kepada seluruh hamba-Nya.

Setelah para hamba-Nya melakukan dosa, Allah SWT meminta mereka agar meminta maaf dan bertaubat. Hal ini bermakna, taubat itu bukanlah datang daripada manusia sendiri, bahkan ia datang daripada Allah SWT seperti yang telah dinyatakan dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

وَأَنْ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّهُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ... ﴿٣﴾

“Dan hendaklah kalian meminta ampun kepada Tuhan kalian (daripada perbuatan syirik), kemudian hendaklah kalian rujuk kembali taat kepada-Nya...”

Surah Hud: 3

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, Allah SWT menyuruh manusia supaya beristighfar dan bertaubat kepada-Nya. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا... ﴿٨﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kalian kepada Allah dengan taubat nasuha...”

Surah al-Tahrim: 8

Taubat yang dimaksudkan ialah taubat yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas. Saidina 'Umar RA telah ditanyakan dengan satu soalan. Soalan tersebut ialah apakah yang dimaksudkan dengan taubat nasuha dengan ikhlas. Lalu Saidina 'Umar RA berkata:



أَنْ يَتُوبَ ثُمَّ لَا يَعُودَ إِلَى الدَّنْبِ، كَمَا لَا يَعُودُ اللَّبَنُ إِلَى الضَّرْعِ.


"Taubat yang sesungguhnya ialah apabila seseorang bertaubat dan tidak berkeinginan lagi untuk melakukan dosa. Hal ini laksana susu yang telah diperah tidak akan kembali kepada tampuknya."


**Riwayat Ibn Hajar dalam al-Matalib al-'Aliyah,
jld. 3, ms. 390**

Berdasarkan jawapan tersebut, dapat disimpulkan bahawa taubat yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh iaitu tidak mengulangi dosa-dosa yang telah dilakukan boleh diibaratkan dengan susu yang telah keluar dan tidak akan kembali kepada kantungnya.

2

PESAN- PESAN TAUBAT





Pesan-Pesan TAUBAT

شرح حديث رياض الصالحين

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

SINOPSIS

Buku ini merupakan siri ketiga '*Al-Bayanul Mubin Syarah Riyadus Solihin*' yang menghuraikan hadis-hadis 'Bab Taubat' daripada kitab '*Riyadus Solihin*'. Penulis menghuraikan hadis tersebut dalam Kuliah Duha beliau yang diadakan pada setiap pagi Jumaat di Masjid Rusila, Marang. Pemilihan kitab hadis tersebut disebabkan kewibawaan ilmu al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi RH yang diterima oleh pelbagai mazhab aqidah, fiqh mahupun tasawuf.

Melalui karya kali ini, penulis mengemukakan petunjuk Nabawi tentang keutamaan seseorang Muslim agar bertaubat sebagai proses untuk kembali kepada fitrah insani. Taubat merupakan salah satu jalan untuk membersihkan jiwa hamba yang berdosa bagi membentuk akhlak yang mulia. Mudah-mudahan, saranan ilmu dan nasihat yang digarap daripada kalam Nabawi menjadi panduan buat semua lapisan pembaca agar lebih mencintai dan mengasihi Rasulullah SAW.

SEM. MALAYSIA: RM 28
SABAH SARAWAK: RM 30

ISBN 978-967-273-911-1



9 789672 739111

